

PERANAN GURU DALAM MENINGKATKAN PENYESUAIAN PSIKOSOSIAL PENGHUNI RUMAH KANAK- KANAK

ROLE OF TEACHERS IN INCREASING PSYCHOSOCIAL ADJUSTMENT OF CHILDREN IN RESIDENTIAL CARE

Ropizah Rohani¹

Awang Had Salleh Graduate School of Social Development,
Universiti Utara Malaysia
(Email: ainulomeimama@gmail.com)

Zakiyah Jamaluddin²

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan,
Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia
(Email: zakiyah@uum.edu.my)

Abd Razak Abd Manaf³

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan,
Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia
(Email: a.razak@uum.edu.my)

Accepted date: 16-06-2019

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Rohani, R., Jamaluddin, Z., & Manaf, A. R. A. (2019). Peranan Guru dalam Meningkatkan Penyesuaian Psikososial Penghuni Rumah Kanak-Kanak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 427-441.

DOI: 10.35631/IJEP.4310036

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenalpasti peranan guru dalam membantu meningkatkan penyesuaian psikososial penghuni Rumah Kanak-Kanak (RKK) dalam persekitaran sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan rekabentuk kualitatif. Kaedah kajian kes digunakan untuk meneroka data primer yang melihat penyesuaian psikososial dan data naratif dari perspektif kanak-kanak yang menghuni rumah perlindungan di Malaysia. Peserta kajian terdiri daripada kanak-kanak yang menghuni RKK dan juga guru yang mengajar. Hasil analisis dapatan kajian telah menemukan tiga tema utama iaitu guru sebagai pembimbing, mewujudkan hubungan baik dengan penghuni RKK dan juga menyediakan peluang penglibatan dalam aktiviti sekolah. Guru memainkan peranan penting dalam menyediakan pengalaman hidup yang memberangsangkan kerana ia memberikan impak besar kepada kejayaan penyesuaian psikososial penghuni RKK ketika berada di sekolah. Selain itu, perkhidmatan pendidikan berkualiti dari segala aspek amat penting untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan seterusnya menjamin perkembangan kanak-kanak yang sihat serta mampu menyesuaikan diri dengan baik apabila berada di persekitaran luar kelak. Selain itu, guru perlu menyediakan perkhidmatan pendidikan yang lebih holistik dengan mewujudkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan RKK supaya

sekolah menjadi persekitaran yang selamat, selesa dan kondusif dalam membentuk keseimbangan penyesuaian psikososial penghuni RKK ini.

Kata Kunci: Peranan Guru, Penyesuaian Psikososial, Guru Sebagai Pembimbing, Hubungan Guru dan Murid, Kesamarataan Peluang Pendidikan

Abstract: *The study aims to explore the role of teachers in helping to improve the psychosocial adjustment of children in residential care in the school environment. This research is designed as a qualitative study approach. The case study method is used to explore primary data that looks at psychosocial adjustments and narrative data from the perspective of children living in shelters in Malaysia. The study participants consisted of children who lived in residential care as well as the teachers. The findings of the study have resorted to three main themes, teachers as guides, creating good relationships with children's in residential care and also providing opportunities for school activities. Teachers play an important role in providing a rewarding life experience as it has a major impact on the success of psychosocial adjustment of residential care children while in school. Additionally, quality education services are all-in-the-way to meet the needs of children and to ensure the healthy development of children and to adapt well when in the environment beyond. Also, teachers need to provide more holistic education services by establishing a network of partnerships with various parties, especially residential care management so that schools become a safe, comfortable and conducive environment in shaping the balance of psychosocial adjustment of residential care residents.*

Key Words: *Role of Teachers, Psychosocial Adjustment, Teacher as Guide, Teacher and Student Relationship, Educational Opportunity Equality*

Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu platform kepada kanak-kanak yang menghuni rumah perlindungan dan penjagaan untuk meningkatkan potensi diri, mengubah hidup dan berupaya menyumbang kepada masyarakat. Pendidikan kanak-kanak yang tinggal di institusi pemulihan dan penjagaan telah menjadi isu utama dan cabaran besar kepada kebanyakan negara di dunia (Higgins, Sebba, & Luke, 2015; Pecora, 2012). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, kanak-kanak ini didapati tidak berjaya dalam sistem pendidikan (National Working Group, 2011) dengan pencapaian akademik berada di bawah 75 peratus (Salazar, 2013; Watson & Kabler, 2012). Kajian-kajian berkaitan pendidikan kanak-kanak ini mendapati bahawa mereka ini tergolong dalam kumpulan pelajar berprestasi rendah, sering ketinggalan dan berisiko tinggi (Ferguson & Wolkow, 2012; Zetlin & Weinberg, 2013) kesan pelbagai cabaran akademik dan proses transisi yang berlaku (Evans, 2004; Zetlin & Weinberg, 2013).

Selain itu, kanak-kanak yang berada di institusi jagaan sering menjadi populasi yang tidak dikenal pasti dan tidak dikategorikan sebagai populasi yang perlu diberi perhatian (Zetlin, MacLeod, & Kimm, 2012). Terdapat beberapa isu utama pendidikan yang sering dikaitkan dengan kanak-kanak yang menghuni rumah perlindungan dan penjagaan, antaranya adalah isu keciciran, isu tingkah laku dan emosi, mobiliti sekolah dan isu pendidikan awal kanak-kanak (Allen & Vacca, 2010; Pears, Kim, & Leve, 2012; Pecora, 2012). Hakikatnya, kanak-kanak ini sebenarnya memerlukan pelbagai bentuk sokongan dan perkhidmatan dari segenap peringkat khususnya dalam bidang pendidikan untuk memastikan kejayaan mereka

(Gustavsson & Maceachron, 2012; Noonan, Matone, Zlotnik, Hernandez, Watts, Rubin & Mollen, 2012).

Untuk memastikan perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh merangkumi aspek emosi, fizikal dan tingkah laku, maka keperluan kepada pendidikan awal kanak-kanak perlu diberi penekanan. Isu yang timbul adalah didapati kanak-kanak yang menghuni institusi perlindungan ini tidak menerima pendidikan awal dan intervensi yang sesuai semasa awal usia kanak-kanak (Gustavsson & Maceachron, 2012; Higgins et al., 2015). Justeru itu, pihak sekolah dan pihak institusi harus memastikan pendidikan awal kanak-kanak ini berjalan lancar kerana ianya memberikan impak kepada seluruh aspek perkembangan sehingga kanak-kanak meningkat dewasa (Pecora, 2012).

Pernyataan Masalah

Banyak andaian dan spekulasi yang menyatakan cabaran dan isu pendidikan yang tidak memuaskan dalam kalangan kanak-kanak penghuni institusi kebajikan tetapi hanya kebelakangan ini sahaja muncul beberapa kajian yang cuba untuk mengenalpasti halangan-halangan kepada kejayaan dalam bidang pendidikan (Ferguson & Wolkow, 2012; Wulczyn, Smithgall, & Chen, 2009). Selain itu, kebanyakan kajian lepas di Malaysia dilaksanakan dalam konteks rumah perlindungan dan tidak menyentuh aspek psikososial serta peranan guru secara khusus. Penyelidikan yang berpusatkan kanak-kanak penting (Chan, 2013) dari pelbagai perspektif yang berbeza (Abd. Rahman, Mohd Daud, Nik Jaafar, Shah, Tan & Wan Ismail, 2013) amat perlu untuk membantu pembentukan intervensi awal yang sesuai mengikut tahap dan keperluan kanak-kanak. Justeru, kekurangan data primer yang melihat peranan guru dalam meningkatkan penyesuaian psikososial dan data naratif dari perspektif kanak-kanak yang menghuni rumah perlindungan di Malaysia sangat penting. Maklumat dan data yang terhad berkaitan peranan guru dan penyesuaian psikososial memberi petanda kepada perlunya lebih perhatian untuk mengkaji bidang ini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengisi kelompangan yang wujud pada kajian-kajian sebelum ini dengan meneroka aspek penyesuaian psikososial penghuni rumah perlindungan dan penjagaan.

Sorotan Karya

Sekolah merupakan persekitaran paling penting dan dominan dalam kehidupan seseorang kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak akan menghabiskan masa sebanyak tujuh hingga lapan jam sehari selama lebih kurang sepuluh bulan dalam setahun (Badr, 2017). Sekolah juga merupakan titik pertemuan pertama kanak-kanak dengan dunia luar. Semasa berada di sekolah kanak-kanak akan bertemu dengan pengalaman-pengalaman baru yang sebahagiannya mungkin memudaratkan mereka (Badr, 2017). Justeru, pengalaman pengalaman ini merupakan cabaran yang akan mempengaruhi pembentukan psikososial kanak-kanak.

Kajian berkaitan pendidikan mendapati bahawa guru-guru menghadapi masalah menyediakan khidmat pendidikan yang berkualiti kepada golongan penghuni institusi kerana guru sukar menyesuaikan diri dengan pelbagai masalah seperti motivasi belajar yang rendah dan masalah tingkah laku (Harder, Hyghen, Dickscheit, Kalverboer, Kongeter, Zeller & Knorth, 2014; Glantz & Gushwa, 2014). Kajian juga mendapati guru sering kali terpaksa berhadapan dengan situasi yang memberikan tekanan yang tinggi dari segi emosi (Adelman & Taylor, 2014). Sehubungan itu, guru perlu bijak menggunakan keupayaan dan pengetahuan yang ada untuk menangani situasi dengan cuba mewujudkan hubungan sihat bersama pelajar,

pengurusan kelas yang efektif dan sentiasa memberikan sokongan ke arah pembelajaran (Martin & Bustillo, 2015).

Umumnya, kesejahteraan psikososial berkaitan dengan banyak aspek kehidupan kanak-kanak antaranya peluang untuk bermain, penjagaan yang berkualiti, efikasi sendiri, boleh mengawal situasi pembelajaran, membina perspektif baru dan strategi penyesuaian diri. Iklim sosial pusat penjagaan dan persekitaran sekolah yang memberangsangkan akan memberikan kesan positif (Fox, Almas, Degnan, Nelson, & Zeanah, 2011) ke atas penyesuaian diri dalam bidang akademik, emosi dan sosial kanak-kanak hasil dari pergaulan sesama penghuni dan penjaga (Kassabri & Schwartz, 2013; Windsor, Benigno, Wing, Carroll, Koga, Nelson, & Fox, 2014). Walau bagaimanapun, penghuni rumah kanak-kanak didapati sukar berintegrasi dengan persekitaran persekolahan terutamanya apabila melibatkan perkara-perkara formal dan berstruktur (Martín & Bustillo, 2015). Mereka didapati lebih suka melakukan aktiviti tidak formal dan santai. Kesan dari itu, mereka sering dilabel tidak berdisiplin, tidak berorientasikan tugas, kurang menumpukan perhatian serta bermasalah tingkah laku (Manso, García, Alonso, & Barona, 2011; Yeow, Roger, & Sharmaine, 2011). Selain itu, mereka ini juga sering mempunyai tanggapan yang negatif terhadap guru dan selesa mengamalkan pembelajaran sendiri seiring dengan peningkatan usia (Yeow et al., 2011). Justeru itu, berdasarkan sorotan kajian-kajian lalu, terdapat beberapa isu yang menjadi cabaran kepada penyesuaian psikososial di sekolah iaitu faktor diri sendiri, pencapaian akademik, tingkah laku dan emosi, hubungan dengan rakan sebaya dan hubungan dengan guru.

Peranan Guru

Persekitaran sekolah atau guru sangat memainkan peranan penting dalam memastikan aspek penyesuaian psikososial kanak-kanak penghuni institusi berkembang dengan sempurna (Adelman & Taylor, 2014) terutamanya pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak (Fox et al., 2011). Perasaan positif terhadap sekolah dan guru yang berjaya dipupuk akan meningkatkan kecenderungan sosial dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik (Buyse, Verschueren, Verachtert, & Damme, 2009). Pihak sekolah sewajarnya mengadakan dasar dan polisi yang mengutamakan murid dengan memberi fokus kepada perkhidmatan kesihatan mental, psikologikal, kaunseling dan khidmat sosial (Adelman & Taylor, 2012, 2014). Lantaran itu, pihak guru perlu menambah baik keberkesanan bilik darjah dengan mengubahsuai teknik pengajaran dan pembelajaran serta iklim kelas yang boleh menarik minat murid dari institusi kebajikan ini (Adelman & Taylor, 2012). Kesimpulannya, pihak guru perlu memainkan peranan penting kerana mereka adalah individu yang paling dekat dengan kanak-kanak dalam persekitaran sekolah. Proses instruksional di dalam atau luar bilik darjah boleh dijadikan platform untuk meningkatkan motivasi, pembelajaran dan tingkah laku kanak-kanak penghuni institusi (Fox et al., 2011) untuk menjadi individu yang berguna dan berfungsi dengan baik di dalam masyarakat.

Kerangka Teoritikal

Erikson menekankan peranan budaya dan masyarakat dalam krisis perkembangan ego seseorang individu (Kroger, 2006). Perkembangan ego yang berjaya adalah apabila seseorang itu mampu menyelesaikan krisis selaras dengan kehendak semulajadi sosial (McLeod, 2008; Sokol, 2009). Perkara tersebut boleh dicapai melalui kewujudan perasaan saling mempercayai, pembentukan jati diri dalam masyarakat melalui kesediaan generasi masa kini untuk menghadapi masa hadapan. Erikson juga memberi penekanan kepada kehidupan masa remaja adalah sangat mustahak kerana ianya mempengaruhi pembentukan identiti seseorang remaja sepanjang hayat (McLeod, 2008). Ini kerana Erikson berpendapat tugas psikososial

pertama dalam hidup seseorang remaja adalah pembentukan identiti diri (Sokol, 2009). Memandangkan kajian ini melibatkan peserta kajian yang berusia 13 hingga 17 tahun, maka tahap atau fasa yang akan dibincangkan lebih lanjut adalah tahap kelima iaitu fasa identiti lawan kecelaruan identiti (*identity vs role confusion*) yang berlaku antara umur 13 hingga 19 tahun (Broderick & Blewitt, 2015).

Menurut Erikson, remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun berada dalam fasa peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa (Santrock, 2014). Situasi ini menjadikan mereka mengalami kebingungan untuk cuba memahaminya. Perubahan yang berlaku dari aspek fizikal, mental, emosi dan pemikiran membuatkan mereka sibuk menterjemahkan perubahan yang mereka alami lantaran keadaan emosi yang tidak stabil (Santrock, 2012). Oleh itu, remaja seharusnya dilihat sebagai sebahagian dari keluarga, sekolah serta rakan sebaya (Santrock, 2014). Cabaran yang dihadapi adalah penderaan, pengabaian, mobiliti, ditempatkan dalam program pendidikan khas dan kurang persediaan untuk proses transisi ke dunia realiti atau untuk berdikari selepas keluar dari sistem kebajikan (Henrichon, 2016; Morton, 2015).

Aplikasi Teori Perkembangan Psikososial Di Dalam Persekitaran Sekolah

Guru yang mengaplikasikan perkembangan psikososial di dalam bilik darjah akan mewujudkan persekitaran yang membuatkan para pelajar rasa selesa dan sentiasa dihargai untuk mempelajari pelbagai perkara baru dan berani membentuk perhubungan dengan rakan sebaya tanpa rasa takut (Hooser, 2011). Sehubungan itu, guru boleh menggunakan teori perkembangan psikososial dalam pelbagai cara terutamanya tahap satu hingga tahap lima (Khurshid & Aurangzeb, 2012). Pada tahap kelima, guru perlu melayan pelajar sebagai seorang dewasa dan matang dengan menyediakan aktiviti yang lebih mencabar tetapi realistik serta sesuai dengan kebolehan (Ramkumar, 2016). Selain itu, perkongsian kejayaan dengan rakan sebaya amat penting supaya mereka mencapai kepuasan diri dan menjadi satu pengiktirafan (Hooser, 2011). Maklum balas positif amat penting supaya mereka rasa lebih yakin dan percaya dengan keupayaan dan potensi diri.

Pihak sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan psikososial remaja melalui kombinasi pelbagai kaedah. Pihak sekolah perlu menitikberatkan kesihatan psikososial, mental dan fizikal untuk mencapai kesejahteraan pelajar dan prestasi sekolah (Adelman & Taylor, 2012). Guru juga perlu memainkan peranan penting dalam memastikan keseimbangan psikososial pelajar dapat dicapai dengan menyediakan persekitaran bilik darjah yang membolehkan para pelajar, i) mengatasi halangan-halangan dalam proses proses pembelajaran, ii) menunjukkan minat dan melibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Adelman & Taylor, 2012), dan iii) menyediakan sokongan ke arah meningkatkan keberkesanan bilik darjah. Kesimpulannya, teori ini boleh digunakan oleh guru dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas agar dapat memberikan hasil positif dalam kehidupan seseorang pelajar melalui pembentukan identiti yang sihat dan stabil (Hooser, 2011; Karkouti, 2012). Selain itu, kejayaan dan kepuasan yang dicapai pada setiap tahap akan membentuk perkembangan psikososial yang sihat dalam diri pelajar.

Definisi dan Konsep Penyesuaian Psikososial

Menurut Erikson (1968), proses perkembangan psikososial yang seimbang dalam setiap peringkat perkembangan akan menjadikan individu berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial, berdikari, bertanggungjawab, boleh mengawal diri dengan baik, berupaya mengurangkan sifat agresif serta berpotensi mencapai kesempurnaan diri. Pengkaji-pengkaji

kontemporari pula mentakrifkan bahawa penyesuaian psikososial merujuk kepada keupayaan seseorang individu berfungsi dan beradaptasi dengan baik dalam memenuhi keperluan persekitaran serta menunjukkan kemahiran sosial yang positif (Dozier, 2014; Henrichon, 2016). Justeru itu, untuk kajian ini, penyesuaian psikososial merujuk kepada aspek tingkah laku, emosi, psikologi dan akademik di dalam persekitaran sekolah.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana guru memainkan peranan untuk membantu meningkatkan proses penyesuaian psikososial penghuni RKK (RKK) ketika berada di persekitaran sekolah merangkumi aspek pengurusan diri murid, hubungan dengan guru dan rakan sebaya, pencapaian akademik, kehadiran ke sekolah serta penglibatan di dalam aktiviti dalam dan luar bilik darjah.

Persoalan Kajian

Berdasarkan keperluan untuk melaksanakan kajian berkaitan penyesuaian psikososial dalam konteks persekitaran sekolah, maka kajian berbentuk penerokaan ini akan menjawab persoalan kajian yang berikut :

- Bagaimanakah guru memainkan peranan dalam membantu meningkatkan penyesuaian psikososial penghuni RKK dalam persekitaran sekolah?

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian kes untuk meneroka dan mengenalpasti peranan guru dalam membantu meningkatkan penyesuaian psikososial penghuni RKK ketika berada di persekitaran sekolah.

Lokasi

Lokasi kajian adalah sekolah-sekolah di dalam negeri Perlis yang menempatkan kanak-kanak penghuni RKK Arau. RKK Arau merupakan agensi kerajaan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sebanyak tiga buah sekolah telah dipilih berdasarkan maklumat dari Jabatan Pelajaran Negeri Perlis dan juga pihak RKK.

Persampelan

RKK Arau merupakan institusi perlindungan dan penjagaan bagi kanak-kanak perempuan berusia 13 hingga 19 tahun yang menjadi mangsa pengabaian, penderaan, kemiskinan dan anak terbuang. Oleh itu peserta kajian kanak-kanak RKK di dalam kajian ini terdiri daripada kanak-kanak perempuan yang bersekolah berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Manakala kriteria pengalaman guru yang mengajar pula ialah sekurang-kurangnya tiga tahun.

Instrumen

Di dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan data melalui temu bual separa struktur secara individu seperti yang disarankan oleh Patton (2002) dan juga perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion* atau *FGD*). Melalui instrumen ini, peserta kajian akan berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan menggambarkan dengan jelas pandangan serta pendapat mereka berkaitan peranan guru dalam membantu mereka melakukan penyesuaian psikososial ketika di sekolah. Protokol temu bual telah disediakan sebagai garis panduan kepada pengkaji untuk memenuhi tujuan kajian.

Pengumpulan Data dan Teknik Analisis

Proses pengumpulan data adalah melalui teknik temu bual secara individu dan perbincangan kumpulan berfokus Kutipan data peserta kajian penghuni RKK melibatkan satu perbincangan kumpulan berfokus atau FGD yang terdiri daripada empat orang dalam satu kumpulan dan dua temu bual individu. Kutipan data dari temu bual guru pula diperoleh melalui tiga orang guru yang telah ditemu bual secara individu. Peserta kajian telah ditemu bual berdasarkan 14 soalan separa struktur. Namun begitu, terdapat keadaan pengkaji mengemukakan soalan terbuka apabila peserta kajian berkongsi pendapat peribadi berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Pengkaji turut melakukan soalan pengulangan dan juga *probing* untuk memohon kepastian, menjelaskan kefahaman dan menggali informasi yang lebih mendalam. Selain itu, pengkaji telah membuat semakan transkrip dan analisis data dengan peserta kajian guru secara bersemuka dan juga perbualan telefon untuk tujuan semakan, pembetulan mengesahkan tema dan sub tema. Semua temubual telah direkod dan ditranskrip. Analisis tema telah digunakan untuk menganalisis transkripsi temu bual menggunakan perisian Atlasti.8. Proses analisis dilakukan dengan transkripsi data, menyusun dan mengumpul data dan diagihkan kepada unit-unit. Pengkaji seterusnya menyusun dan memilih data yang bersesuaian dengan konteks kajian yang akhirnya telah membentuk tiga tema utama.

Dapatan Kajian

Profil Peserta Kajian

Seramai 10 orang murid penghuni RKK dan tiga orang guru telah bersetuju di temu bual dalam kajian ini. Peserta kajian penghuni RKK telah dicadangkan oleh pihak guru dan mereka bersetuju. Manakala peserta kajian guru pula terdiri daripada mereka yang sukarela sahaja. Seramai sepuluh orang murid telah terlibat dalam temu bual yang dijalankan. Jadual 1 dan jadual 2 menunjukkan maklumat berkaitan profil peserta kajian dan maklumat temu bual yang telah dijalankan.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian Penghuni RKK dan Maklumat Temu Bual


Peserta Kajian	Umur	Bangsa	Sekolah	Jenis Temu Bual
Siti	17	India	A	<i>FGD</i>
Zai	16	Melayu	A	<i>FGD</i>
Nana	16	Melayu	A	<i>FGD</i>
Aini	13	Melayu	A	<i>FGD</i>
Liya	17	Melayu	B	Individu
Ema	17	Melayu	C	Individu

Jadual 2: Profil Peserta Kajian Guru dan Maklumat Temu Bual

Peserta Kajian	Pengalaman Mengajar	Jawatan	Bangsa	Sekolah	Jenis Temu Bual
Cikgu Sal	4 tahun	Guru Penolong	Melayu	A	Individu
Cikgu Ina	7 tahun	Kaunselor	Melayu	B	Individu
Cikgu Mai	7 tahun	Guru Penolong	Melayu	C	Individu

Tema Kajian

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan terdapat tiga tema utama yang muncul berkaitan peranan guru dalam meningkatkan proses penyesuaian psikososial penghuni ketika berada di sekolah. Rajah 1 menunjukkan skop perbincangan peranan guru dan tema yang diperoleh merangkumi guru sebagai pembimbing, hubungan dengan penghuni RKK dan peluang penglibatan dalam aktiviti sekolah.



Rajah 1 : Peranan Guru

Guru Sebagai Pembimbing

Dapatan temubual menunjukkan bahawa selain berperanan sebagai pendidik guru juga turut memainkan peranan sebagai pembimbing. Semua penghuni RKK menyatakan bahawa guru-guru telah memainkan peranan sebagai pembimbing, menunjukkan sikap positif, prihatin, penyayang dan sentiasa mengambil berat tentang mereka. Sebagai contoh, dapatan temu bual bersama peserta kajian Liya didalam temu bual individu menunjukkan bahawa sikap guru yang positif dalam membantu murid untuk menangani sebarang masalah atau cabaran telah mencetuskan motivasi dan kesedaran supaya murid berubah menjadi lebih baik.

Sebab tu time saya buat perangai saya kata saya silap langkah. Cikgu yang banyak bangkitkan saya supaya jangan buat benda tu. Kaunselor dulu selalu cakap "ingat family". Macam cikgu cakap la kena bangkit, kalau saya down. Saya bangkit pun lepaih cikgu kata suruh bangkit.

Liya

Selain itu, apabila murid berada di sekolah, guru sangat prihatin dalam memantau mereka dari segala aspek sama ada sosial, psikologi, tingkah laku dan juga pencapaian akademik. Salah seorang peserta kajian dari kalangan guru pula menyatakan bahawa beliau ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang masalah yang dihadapi oleh murid penghuni RKK kerana ingin membantu seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Ina. Guru-guru juga turut menyatakan bahawa mereka ingin meneroka dengan lebih mendalam isu-isu terpendam supaya murid dapat melepaskannya secara positif dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan diri.

Tapi saya macam tak puas hati...kalau boleh saya nak korek lebih dalam dan nak tahu apa masalah mereka...sebab saya nak bantu mereka.

Cikgu Ina

Sebenarnya Liyana ni ada potensi dan budak yang pandai...tapi tu la dulu dia buat masalah dan kena bagi peluang...dia dah ok la ni...selalu jumpa kaunselor untuk minta pandangan...sekarang pun

dia jadi ketua kelas. Dia ada harapan untuk berjaya tu.....ada cita-cita....

Cikgu Ina

Peserta kajian guru juga menyatakan bahawa mereka memang mengambil berat dan sentiasa memastikan kanak-kanak RKK ini dipantau sepenuhnya seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Mai. Teguran dan bimbingan secara berterusan sentiasa diberikan dalam usaha mendidik penghuni RKK ke arah yang lebih baik.

Budak pun ada lima oghang ja RKK. Jadi kita memang dok pantau lah. Kita tengok pelik-pelik sikit kita pangge..”ni pasai pa buat macam ni?”. Memang membantu la, kita pun macam bagi motivasi, aktiviti-aktiviti macam kerohanian. Macam kan pendidikan Islam, ustazah Rozita dok buat jugak aktiviti-aktiviti kerohanian ni.

Cikgu Mai

Mewujudkan Hubungan Baik Dengan Penghuni RKK

Hubungan guru dan murid yang baik sangat penting dalam membina persekitaran sekolah yang sihat dan kondusif. Hubungan yang baik akan membentuk jaringan sosial, komunikasi, emosi dan psikologi yang stabil. Keseluruhannya, dapatan temu bual mendapati penghuni RKK telah membina hubungan yang baik dengan guru seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian guru. Menurut guru-guru, penghuni RKK menyukai guru kerana mereka beranggapan bahawa guru-guru sebagai ganti kepada ibu mereka.

Dia orang ni macam berebut-rebut kita orang cikgu-cikgu ni. Ntah la macam mana dia orang ni pandang kami, mungkin macam mak-mak dia orang kot.

Cikgu Lina

Hubungan guru dengan murid yang baik juga penting dalam memastikan murid gembira dan selesa apabila berada di sekolah seterusnya membentuk penyesuaian psikososial yang seimbang seperti yang dinyatakan oleh penghuni RKK.

Saya suka mai sekolah

Ema

Kat sekolah...boleh masak..boleh makan

Siti

Cikgu masak seronok

Nana

Ini terbukti dengan rekod kehadiran ke sekolah dalam kalangan penghuni RKK sangat baik. Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan penghuni RKK suka datang ke sekolah berbanding tinggal di RKK kerana guru-guru melayan mereka dengan baik.

Kehadiran ok tiap-tiap hari

Cikgu Mai

Budak-budak RKK kehadiran memang ok

Cikgu Sal

Selain itu, guru turut mengakui bahawa penghuni RKK menyukai dan meminati mereka sebagai tempat berkongsi cerita dan meluahkan perasaan seperti yang dinyatakan oleh cikgu Mai.

Pastu ada ramai cikgu dia minat, jumpa cikgu kat sekolah, jumpa cikgu-cikgu criter masalah depa. Depa minat pegi sekolah ni sebab cikgu-cikgu layan depa baik. Kalau kaunselor-kaunselor baik dengan depa. Kaunselor di sekolah tau depa ni masuk atas sebab apa

Cikgu Mai

Menyediakan Peluang Penglibatan Dalam Aktiviti Sekolah

Dapatan temu bual bersama guru mendapati bahawa pencapaian murid penghuni RKK juga dilihat semakin baik berbanding dahulu. Pihak sekolah dan pihak Jabatan Pendidikan telah memberikan kerjasama yang baik kepada pihak pengurusan RKK dalam menyediakan peluang yang sama rata. Langkah proaktif ini memberikan peluang dan kesamaan hak kepada murid dari RKK untuk terlibat dalam sebarang aktiviti di peringkat sekolah dan juga ke peringkat yang lebih tinggi. Penghuni RKK didapati menunjukkan sikap dan keinginan untuk melihat persekitaran dunia luar yang amat tinggi. Oleh itu, peluang untuk berada di sekolah dan mengikuti aktiviti luar sekolah menjadi satu keseronokan kepada mereka seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Sal.

Depa teringin nak merasa dunia luaq, tu p penang seghonok tak sangga

Cikgu Sal

Salah peserta kajian telah menyatakan keinginan beliau untuk menyertai aktiviti yang membolehkannya keluar dari persekitaran RKK.

Tapi kita pun nak join jugak. Kalau nampak depa pi keluaq, bestnya...

Zai

Selain itu, peluang untuk melibatkan diri dengan aktiviti sekolah akan memberi ruang kepada mereka membentuk hubungan baru dan menambah rakan selain daripada hanya berkawan dengan penghuni RKK. Respon dan reaksi wajah yang diberikan oleh penghuni RKK menggambarkan betapa kehidupan di RKK tidak menyeronokkan dan mereka seolah-olah bosan dengan persekitaran di RKK.

Seronok sebab ramai kawan, dok RKK macam boring

Ema

Justeru itu, layanan sama rata yang diberikan oleh pihak sekolah dan guru terhadap murid penghuni RKK mendorong kepada penglibatan yang memuaskan dalam sebarang aktiviti sekolah. terdapat juga beberapa peserta kajian yang sangat berbakat dalam bidang sukan dan permainan dan telah mewakili negeri sehingga ke peringkat kebangsaan seperti yang dinyatakan oleh cikgu Sal.

Zai tu atlet la..atlet sekolah..dia dapat anugerah khas..wakil sekolah, wakil negeri....

Cikgu Sal

Kesimpulannya, penghuni RKK suka melibatkan diri dalam sebarang aktiviti sekolah kerana mereka ingin merasai persekitaran yang berbeza berbanding kehidupan di RKK. Ini kerana melalui program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah sahaja yang membolehkan mereka berpeluang bebas dari persekitaran kehidupan RKK.

Perbincangan

Peranan guru dan sekolah amat penting dalam membantu penghuni RKK mencapai keseimbangan penyesuaian psikososial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru telah memainkan peranan bukan sekadar sebagai pendidik yang hanya menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga sebagai pembimbing. Selaras dengan dapatan kajian oleh Irvin, Meece, Byun, Farmer dan Hutchins (2011) yang menyatakan bahawa bimbingan yang diberikan oleh guru sebagai fasilitator dalam proses pembelajaran merupakan kunci utama yang membuka ruang dan minda kanak-kanak ini melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Selain tugas sebagai pendidik, guru juga turut bertanggungjawab menyediakan informasi, kaunseling dan galakkan kepada murid untuk mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi (Irvin et al., 2011). Guru hanya perlu menjadi pemudahcara dan memberikan lebih banyak ruang murid ini meneroka ilmu pengetahuan. Proses penerokaan ilmu dan pembelajaran sendiri ini perlu dibimbing supaya murid berada pada landasan yang sepatutnya (Pianta, Hamre, & Allen, 2012). Kombinasi kawalan tingkah laku dan kasih sayang di dalam proses pengajaran akan menggalakkan regulasi sendiri dan melahirkan murid yang aktif (Santrock, 2014).

Sikap guru di dalam kajian ini, yang mementingkan kebajikan dan keperluan murid juga telah berjaya membina hubungan yang positif yang membuatkan murid berasa selesa untuk hadir ke sekolah. Dapatan temu bual bersama guru dan murid telah membuktikan bahawa hubungan baik yang wujud antara guru dan murid telah meningkatkan minat murid untuk melibatkan diri dengan aktiviti sekolah dan juga meningkatkan kehadiran ke sekolah. Ini terjadi kerana murid rasa selesa dengan guru dan menimbulkan rasa kepunyaan dan kepercayaan. Hubungan guru murid dan interaksi yang berlaku di dalam sesebuah bilik darjah merupakan sistem sosial yang kompleks kerana ia adalah sistem pelbagai komponen (*multicomponent*). Selaras dengan dapatan Pianta et al. (2012) dalam kajiannya yang telah melaporkan bahawa kualiti interaksi perhubungan antara guru dan murid ini secara semulajadinya merupakan asas untuk memahami penglibatan murid. Untuk meningkatkan penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru-guru perlu dilengkapkan dengan segala ilmu pengetahuan yang berkaitan interaksi di dalam bilik darjah. Kajian oleh Harder, Knorth, & Kalverboer (2013) juga turut mendapati bahawa guru tidak seharusnya hanya fokus kepada membina hubungan berasaskan tugas dengan kanak-kanak. Seharusnya guru lebih menekankan pembinaan hubungan yang seimbang dari segala aspek psikososial mereka iaitu merangkumi emosi, sosial dan psikologi (Harder et al., 2013).

Berdasarkan analisis dapatan temu bual mendapati bahawa, pihak sekolah telah berusaha menyediakan peluang kepada penghuni RKK untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sekolah. Terdapat juga penghuni RKK yang berpotensi dan berpeluang menyertai aktiviti sehingga ke peringkat kebangsaan. Peluang penglibatan ini amat penting agar murid rasa dihargai dan mereka juga mereka merupakan individu penting dalam komuniti sekolah. Seperti yang disarankan oleh Adelman dan Taylor (2014), fokus utama pihak sekolah dan guru sepatutnya adalah untuk menggalakkan para pelajar melibatkan diri dalam setiap aktiviti. Murid yang mengalami kesukaran dalam melaksanakan tugas akan diberi lebih dorongan dan sokongan dengan i) memberi lebih peluang dan ruang kepada keluarga pelajar untuk turut

serta dalam sebarang aktiviti sekolah, dan ii) program pencegahan krisis seperti akademik, tingkah laku, sosial dan emosi (Adelman & Taylor, 2014). Peranan guru dan pihak sekolah amat penting untuk memberi pendedahan kepada persekitaran sosial agar mereka dapat melihat dunia realiti yang perlu mereka hadapi apabila dibebaskan dari pusat perlindungan kelak. Selaras dengan kajian Melkman, Refaeli, dan Benbenishty (2016), telah melaporkan bahawa terdapat perkaitan kuat antara sokongan dan peranan guru yang telah memberi kesan positif kepada kanak-kanak ini dalam merancang pendidikan dan hala tuju masa depan.

Kesimpulannya, proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan akan merangsang minat murid. Guru wajar meningkatkan pengetahuan untuk lebih memahami keadaan penghuni RKK yang berada di dalam kelas masing-masing. Oleh itu, guru-guru boleh bertindak secara proaktif untuk meneroka kaedah dan teknik yang bersesuaian bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Henrichon, 2016).

Limitasi dan Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini hanya tertumpu kepada kanak-kanak perempuan sahaja yang menghuni di RKK Arau di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kajian ini tidak melibatkan kanak-kanak dari RKK lain dan juga jantina lelaki. Dapatan mungkin berbeza sekiranya melibatkan kanak-kanak lelaki dan penempatan di RKK lain sama ada di bawah seliaan kerajaan, NGO atau swasta. Oleh itu, untuk kajian masa hadapan adalah dicadangkan supaya mengambil kira dari konteks dan pengalaman kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berada di bawah jagaan pusat perlindungan pihak NGO mahupun swasta. Cadangan ini membolehkan pemahaman yang lebih meluas selain dapat memahami melalui perspektif yang berbeza. Kajian perbandingan antara jantina, etnik dan melibatkan beberapa jenis RKK juga boleh meningkatkan kefahaman berkaitan isu melibatkan kanak-kanak seperti ini. Selain itu, kajian perbandingan juga dapat memberikan sumbangan berupa penambahbaikan program pemulihan dan pendidikan kepada kanak-kanak ini. Kajian ini hanya menggunakan kaedah kajian kualitatif. Justeru itu, kaedah kajian campuran atau *mix method* juga disarankan agar maklumat dari dapatan kajian lebih menyeluruh, terperinci dan mendalam.

Kesimpulan

Sekolah merupakan komuniti sosial yang berperanan besar dalam menyediakan sumber manusia dan modal insan untuk pembangunan negara. Melalui kesamarataan hak dan layanan dalam pendidikan yang disediakan oleh pihak sekolah akan memberi lebih peluang kepada kanak-kanak ini memperolehi pendidikan yang berkualiti. Justeru, sekolah seharusnya menjadi persekitaran yang selamat, selesa dan kondusif dalam membentuk keseimbangan penyediaan psikososial penghuni RKK ini.

Rujukan

- Abd. Rahman, F. N., Mohd Daud, T. I., Nik Jaafar, N. R., Shah, S. A., Tan, S. M. K., & Wan Ismail, W. S. (2013). Behavioral and emotional problems in a Kuala Lumpur children's home. *Pediatrics International*, 55(4), 422–427. Retrieved from <http://doi.wiley.com/10.1111/ped.12115>
- Adelman, H. S., & Taylor, L. (2012). Mental health in schools : Moving in new directions. *Contemporary School Psychology*, 16(1), 9–18.
- Adelman, H. S., & Taylor, L. (2014). Embedding school health into school improvement policy. *International Journal School Health*, 1(3), 1–8.

- Allen, B., & Vacca, J. S. (2010). Frequent moving has a negative affect on the school achievement of foster children makes the case for reform. *Children and Youth Services Review, 32*(6), 829–832. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2010.02.001>
- Badr, H. E.-S. (2017). Suicidal behaviors among adolescents – The role of school and home environment. *Crisis, 38*(3), 168–176. <https://doi.org/10.1027/0227-5910/a000426>
- Broderick, P. C., & Blewitt, P. (2015). *The life span: Human development for helping professionals* (4th ed.). Boston: Pearson.
- Buyse, E., Verschueren, K., Verachtert, P., & Damme, J. V. (2009). Adjustment in early elementary school: Impact of teacher- child relationship quality and relational. *The Elementary School Journal, 110*(2), 119–141.
- Chan, C. C. (2013). *A comparative study on Rumah Kanak-Kanak (Children Residential Home) and Rumah Tunas Harapan (Foster Home) in Malaysia: A child centric perspective*. (Unpublished doctoral dissertation). National University of Singapore.
- Dozier, M. (2014). Romania’s abandoned children: Deprivation, brain development, and the struggle for recovery. *American Journal of Psychiatry, 171*(6), 693–694. <https://doi.org/10.1176/appi.ajp.2014.14030320>
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: Norton.
- Evans, L. D. (2004). Academic achievement of students in foster care: Impeded or improved? *Psychology in the Schools, 41*(5), 527–535. <https://doi.org/10.1002/pits.10179>
- Ferguson, H. B., & Wolkow, K. (2012). Educating children and youth in care: A review of barriers to school progress and strategies for change. *Children and Youth Services Review, 34*(6), 1143–1149. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2012.01.034>
- Fox, N. A., Almas, A. N., Degnan, K. A., Nelson, C. A., & Zeanah, C. H. (2011). The effects of severe psychosocial deprivation and foster care intervention on cognitive development at 8 years of age: Findings from the Bucharest early intervention project. *Journal Child Psychology Psychiatry, 52*(9), 919–928. <https://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2010.02355.x>.
- Glantz, T., & Gushwa, M., (2013). Reflections on foster youth and education: Finding common ground. *Reflections, 19*(4), 15-23.
- Gustavsson, N., & Maceachron, A. E. (2012). Educational policy and foster youths: Risks of change. *Children and Schools, 34*(2), 83–92.
- Harder, A. T., Huyghen, A. M. N., Dickscheit, J. K., Kalverboer, M. E., Kongeter, S., Zeller, M., & Knorth, E. J. (2014). Education secured? The school performance of adolescents in secure residential youth care. *Child and Youth Care Forum, 43*(2), 251-268.
- Harder, A. T., Knorth, E. J., & Kalverboer, M. E. (2013). A secure base? The adolescent-staff relationship in secure residential youth care. *Child and Family Social Work, 18*(3), 305–317. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2206.2012.00846.x>
- Henrichon, S. J. (2016). *Foster Care Students and Academic Success: A Case Study*. (Unpublished doctoral dissertation). North Central University, Arizona.
- Higgins, A. O., Sebba, J., & Luke, N. (2015). *What is the relationship between being in care and the educational outcomes of children? An international systematic review*. Oxford.
- Hooser, T. C. Van. (2011). Using psychosocial development in the classroom. Retrieved from http://www.ehow.com/how_7566430_apply-psychosocial-development-classroom.html
- Irvin, M. J., Meece, J. L., Byun, S. yong, Farmer, T. W., & Hutchins, B. C. (2011). Relationship of school context to rural youth’s educational achievement and

- aspirations. *Journal of Youth and Adolescence*, 40(9), 1225–1242. <https://doi.org/10.1007/s10964-011-9628-8>
- Karkouti, M. I. (2012). Examining psychosocial identity development theories: A guideline for professional practice. *Educational Management Administration & Leadership*, 135(2), 257–264.
- Kassabri, M. K., & Schwartz, S. A. (2013). Adolescents' reports of physical violence by peers in residential care settings: An ecological examination. *Journal of Interpersonal Violence*, 29(4), 659–682. <https://doi.org/10.1177/0886260513505208>
- Khurshid, F., & Aurangzeb, W. (2012). Teaching styles & adolescents' psychosocial development. *Journal of Human Social Science*, 12(10), 19–28.
- Kroger, J. (2006). *Identity development: Adolescence through adulthood*. Sage Publications.
- Manso, J. M. M., García, M. E., Alonso, M. B., & Barona, E. G. (2011). An analysis of how children adapt to residential care. *Children and Youth Services Review*, 33(10), 1981–1988. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2011.05.024>
- Martín, E., & Bustillo, M. del C. M. de. (2015). School adjustment of children in residential care: A multi-source analysis. *The Spanish Journal of Psychology*, 12(2), 462–470. <https://doi.org/10.1017/S1138741600001840>
- McLeod, S. (2008). Erik Erikson psychosocial stages. <https://doi.org/http://docshare04.docshare.tips/files/17487/174877910.pdf>
- Melkman, E., Refaeli, T., & Benbenishty, R. (2016). An empirical test of a model of academic expectations among youth in residential care. *Children and Youth Services Review*, 67(1), 133–141. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2016.05.023>
- Morton, B. M. (2015). Barriers to academic achievement for foster youth: The story behind the statistics. *Journal of Research in Childhood Education*, 29, 476–491. <https://doi.org/10.1080/02568543.2015.1073817>
- National Working Group. (2011). Education is the lifeline for youth in foster care. Retrieved from www.fostercareandeducation.org/portals/
- Noonan, K., Matone, M., Zlotnik, S., Hernandez, R., Watts, C., Rubin, D., & Mollen, C. (2012). Cross-system barriers to educational success for children in foster care: The front line perspective. *Children and Youth Services Review*, 34(2), 403–408. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2011.11.006>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Pears, K. C., Kim, H. K., & Leve, L. D. (2012). Girls in foster care: Risk and promotive factors for school adjustment across the transition to middle school. *Children and Youth Services Review*, 34(1), 234–243. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2011.10.005>
- Pecora, P. J. (2012). Maximizing educational achievement of youth in foster care and alumni: Factors associated with success. *Children and Youth Services Review*, 34(6), 1121–1129. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2012.01.044>
- Pianta, R. C., Hamre, B. K., & Allen, J. P. (2012). Handbook of research on student engagement. In *Handbook of Research on Student Engagement* (pp. 365–386). <https://doi.org/10.1007/978-1-4614-2018-7>
- Ramkumar, S. (2016). Erik Erikson's theory of development: A teacher's observations. *Journal of Krisnamurti School*, 20(6).
- Salazar, A. M. (2013). The value of a college degree for foster care alumni: Comparisons with general population samples. *Social Work (United States)*, 58(2), 139–150. <https://doi.org/10.1093/sw/swt014>
- Santrock, J. W. (2012). *Adolescence* (Fourteenth). New York: McGraw Hill Education.

- Santrock, J. W. (2014). *Adolescence* (Fifteenth). New York: McGraw Hill Education.
- Sokol, J. (2009). Identity Development Throughout the Lifetime: An Examination of Eriksonian Theory. *Graduate Journal of Counseling Psychology*, 1(2), 139–148.
- Watson, C., & Kabler, B. (2012). Improving Educational Outcomes for Children in Foster Care. *Communique*, 40(5), 27–29. <https://doi.org/10.1093/cs/cds040>
- Windsor, J., Benigno, J. P., Wing, C. A., Carroll, P. J., Koga, S. F., Nelson, C. A., & Fox, N. A. (2014). Effect of foster care on young children's language learning. *Child Development*, 82(4), 1040–1046. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8624.2011.01604.x>.Effect
- Wulczyn, F., Smithgall, C., & Chen, L. (2009). Child well-being: The intersection of schools and child welfare. *Review of Research in Education*, 33(1), 35–62. <https://doi.org/10.3102/0091732X08327208>
- Yeow, R., Roger, K. O., & Sharmaine, L. O. H. (2011). An exploratory study of social adjustment among youth in residential homes. *Educational Research*, 2(9), 1488–1497.
- Zetlin, A. G., MacLeod, E., & Kimm, C. (2012). Beginning teacher challenges instructing students who are in foster care. *Remedial and Special Education*, 33(1), 4–13. <https://doi.org/10.1177/0741932510362506>
- Zetlin, A., & Weinberg, L. (2013). *Placed at risk by the system: The educational vulnerability of children and youth in foster care*. New York, NY.: Nova Science Publishers.